

30 AUG 1999

SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM AKAN DIGUBAL SEMULA

JITRA, 30 Ogos (Bernama) -- Sukatan pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah akan digubal semula untuk memantapkan lagi pengajarannya meliputi pelbagai perkara, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata sukatan pelajaran yang ada tidak menekankan secara menyeluruh unsur praktikal dan kefahaman terhadap agama Islam walaupun dalam sesetengah aspek, memang ada kelebihan yang ditekankan.

Penggubalan semula itu mengambilkira pandangan daripada ibu bapa, guru-guru dan tokoh agama serta pihak berkaitan dan dijangka siap dalam masa beberapa bulan lagi, katanya kepada pemberita selepas majlis peletakan batu asas Pusat Ilmu di Kampung Pulau Pisang, Tunjang di sini. Ia disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Perdana Menteri turut memberikan pandangan dan panduan dalam penggubalan ini agar ia menjadi lebih berkesan," katanya.

Ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan Bandar Darul Aman di sini, Dr Mahathir berkata terdapat ibu bapa yang tidak mahu anak mereka mengikuti kelas Agama Islam kerana mereka berpendapat ada guru yang mengajar tidak mengikut sukatan pelajaran tetapi lebih bertumpu kepada perkara-perkara lain seperti menyemaikan sifat benci anak-anak terhadap orang tertentu dan kerajaan.

"Ini tidak secocok dengan ajaran agama Islam. Guru-guru tidak minat ajar agama sama sekali tetapi gunakan peluang itu untuk menyemai sifat benci kepada kerajaan yang tidak buat apa-apa pada anak-anak kecil itu kecuali kebaikan," katanya.

-- BERNAMA

MAN RON